

Carian



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - BR1M: Tiada Lagi Kelonggaran](#)

Utusan Malaysia - BR1M: Tiada Lagi Kelonggaran

 Sabtu, Mac 11 2017



BR1M: Tiada lagi kelonggaran

UM 11/3

KUALA LUMPUR 10 Mac – Tiada lagi kelonggaran diberikan kepada penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang gagal mengemas kini maklumat masing-masing untuk menerima pembayaran kedua bantuan itu pada Jun ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, hal itu penting kerana terdapat bukti para penerima BR1M sebelum ini tidak lagi layak menerima bantuan tunai itu setelah mengemas kini maklumat masing-masing.

Jelasnya, tindakan itu penting supaya tujuan sebenar program BR1M mencapai objektif untuk membantu golongan yang memerlukan.

Katanya, kelonggaran itu hanya diberi untuk pembayaran pertama sahaja yang akan bermula minggu depan.



JOHARI ABDUL GHANI

“Kerajaan bermurah hati untuk membenarkan juga pembayaran pertama ini dilakukan, walaupun ada dalam kalangan penerima tidak mengemas kini maklumat mereka. Namun untuk pembayaran kedua, tiada lagi kelonggaran,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Seramai 705,562 penerima BR1M pada tahun lalu yang gagal menerima bantuan tersebut tahun ini, akan menerima bayaran BR1M secara berperingkat pada minggu depan, walaupun gagal mengemas kini maklumat

masing-masing walaupun telah disaran berbuat demikian sejak Disember lalu.

Bagaimanapun mereka diberi tempoh selama tiga bulan untuk mengemukakan dokumen seperti penyata gaji, penyata bank atau penyata akaun simpanan sebelum pembayaran kedua dilakukan.

Bagi tahun ini, sebanyak 600,000 permohonan ditolak kerana didapati isu rumah terlibat telah mempunyai pendapatan lebih RM4,000.

Kata Johari lagi, kerajaan bagaimanapun tidak akan mengambil tindakan terhadap mereka yang cuba memberi butiran palsu. Sebaliknya, jika ada pemohon yang berbuat demikian, kerajaan hanya akan menyimpan rekod tersebut dan tidak menyalurkan tunai BR1M kepada mereka.

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📞 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**